

SOALAN LAZIM MENGENAI SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN-*i Plus*)

Soalan 1:

Apakah SSPN-*i Plus* ?

Jawapan:

SSPN-*i Plus* merupakan satu skim atau pelan simpanan yang direka oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi. SSPN-*i Plus* ditambahbaik daripada SSPN-*i* sedia ada dengan bayaran sumbangan takaful yang murah dan perlindungan yang komprehensif.

SSPN-*i Plus* menggunakan konsep simpanan dengan komitmen bulanan dan jumlah simpanan dan bayaran sumbangan takaful adalah bergantung kepada pakej yang dipilih.

Soalan 2:

Adakah pelan simpanan yang ditawarkan ini patuh syariah?

Jawapan:

Ya. Pelan simpanan ini adalah patuh syariah yang menggunakan konsep Wakalah Bil Istithmar bagi simpanan SSPN-*i Plus* dan menggunakan kontrak Wakalah bagi skim takaful yang ditawarkan. Produk ini telah mendapat pengesahan syariah oleh *Islamic Banking and Financial Institution of Malaysia* (IBFIM).

Pakej dan Keistimewaan SSPN-*i Plus*

Soalan 3:

Apakah pakej yang ditawarkan melalui SSPN-*i Plus* ?

Jawapan:

SSPN-*i Plus* menawarkan enam (6) pakej pilihan dengan komitmen terendah sebanyak RM30 sebulan. Pakej yang ditawarkan adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1: Pakej Yang Ditawarkan Dalam SSPN-*i Plus*

PAKEJ	Intan	Delima	Topas	Zamrud	Nilam	Berlian
Simpanan SSPN- <i>i</i>	RM20	RM40	RM90	RM180	RM270	RM200
Sumbangan Takaful	RM10	RM10	RM10	RM20	RM30	RM300
Jumlah Komitmen Bulanan	RM30	RM50	RM100	RM200	RM300	RM500

Soalan 4:

Apakah keistimewaan SSPN-*i Plus* ?

Jawapan:

SSPN-*i Plus* mempunyai pelbagai keistimewaan iaitu:

- i) Patuh syariah.
 - ii) Pelepasan taksiran cukai ke atas simpanan bersih tahun semasa sehingga RM12,000 setahun.
 - iii) Komitmen serendah RM30 sebulan.
 - iv) Manfaat bagi kematian/ keilatan kekal (kemalangan) sehingga RM1,000,000.
 - v) Tiada pemeriksaan kesihatan.
 - vi) Kadar dividen yang kompetitif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan.
 - vii) Khairat kematian termasuk pasangan dan maksimum 3 orang anak.
 - viii) Manfaat takaful bagi 36 penyakit kritikal.
 - ix) Elaun kemasukan hospital sehingga RM200 sehari.
 - x) Layak memohon pembiayaan PTPTN.
 - xi) Perlindungan 24 jam di seluruh dunia.
 - xii) Simpanan dijamin kerajaan.
-

Soalan 5:

Apakah manfaat takaful yang ditawarkan bagi setiap pakej?

Jawapan:

Manfaat takaful mengikut pakej adalah seperti jadual 2:

Jadual 2: Pakej Simpanan Dan Manfaat Takaful SSPN-*i Plus*

PAKEJ	INTAN	DELIMA	TOPAS	ZAMRUD	NILAM	BERLIAN*
Simpanan SSPN- <i>i</i>	RM20	RM40	RM90	RM180	RM270	RM200
Sumbangan Takaful	RM10	RM10	RM10	RM20	RM30	RM300
Jumlah	RM30	RM50	RM100	RM200	RM300	RM500
MANFAAT TAKAFUL						
Kematian/Keilangan Kekal & Menyeluruh (Kemalangan)	RM40,000	RM40,000	RM40,000	RM80,000	RM120,000	RM1,000,000
Kematian/Keilangan Kekal & Menyeluruh (Biasa)	RM20,000	RM20,000	RM20,000	RM40,000	RM60,000	RM500,000
Keilangan Kekal & Sebahagian (Biasa dan Kemalangan)	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	RM100,000
36 Penyakit Kritikal (Bayaran manfaat dipercepatkan)	RM10,000	RM10,000	RM10,000	RM20,000	RM30,000	RM100,000
Elaun Kemasukan Hospital/hari**	RM20	RM20	RM20	RM40	RM60	RM200
Khairat Kematian Pendeposit, Pasangan (yang pertama & sah sahaja) dan anak	RM2,500 (Pendeposit dan pasangan) RM1,000 (setiap anak – maksimum 3 orang anak sahaja)					RM18,000 (pendeposit)
						RM9,000 (pasangan)
						RM2,000 (setiap anak – maksimum 3 orang anak)

Nota:

* **Pakej Berlian** adalah **terhad** kepada **2 akaun** sahaja bagi seorang pendeposit atau perlindungan takaful maksimum sebanyak RM2,000,000.

** Elaun kemasukan hospital sehingga had maksimum selama 52 minggu.

Soalan 6:

Apakah perbezaan SSPN-*i Plus* dengan SSPN-*i* sedia ada?

Jawapan:

Perbezaan antara SSPN-*i Plus* dengan SSPN-*i* adalah seperti Jadual 3:

Jadual 3: Perbezaan Antara SSPN-*i Plus* dengan SSPN-*i*

Perkara	SSPN-<i>i Plus</i>	SSPN-<i>i</i>
Komitmen Minimum	Minimum RM30 sebulan berdasarkan pakej.	Tiada komitmen bulanan.
Simpanan	Sebahagian simpanan yang diterima akan diserahkan kepada pengendali takaful mengikut pakej yang dipilih.	Simpanan yang diterima akan dimasukkan dalam akaun SSPN- <i>i</i> sepenuhnya.
Syarat Pembukaan Akaun	Mana-mana warganegara Malaysia hanya boleh membuka akaun untuk diri sendiri, anak dan anak jagaan yang sah sahaja.	Mana-mana warganegara Malaysia boleh membuka akaun untuk mana-mana warganegara Malaysia yang lain (tanpa mengira pertalian keluarga).
Geran Sepadan (Insentif kemasukan ke IPT)	Tiada.	Ada.
Sumbangan Takaful	Sumbangan mengikut pakej serendah RM10 sebulan.	Perlindungan takaful secara percuma bagi simpanan RM1,000 dan ke atas.
Manfaat Takaful	Manfaat takaful (kematian/ ilat kekal/ elaun hospital/ 36 penyakit kritikal) dan khairat kematian mengikut pakej.	Manfaat takaful atas kematian dan ilat kekal pendeposit sahaja (Ringgit ke Ringgit) dan khairat kematian penerima manfaat bagi baki simpanan RM1,000 dan ke atas.
Pelepasan Taksiran Cukai Pendapatan	Pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM12,000 setahun. <ul style="list-style-type: none"> • Simpanan bersih SSPN-<i>i Plus</i> dan SSPN-<i>i</i> tahun semasa layak sehingga RM6,000 setahun; dan • Bayaran sumbangan takaful tahun semasa layak sehingga RM6,000 setahun. 	Berdasarkan simpanan bersih SSPN- <i>i</i> dan SSPN- <i>i Plus</i> tahun semasa sehingga RM6,000 setahun sahaja.

Pembukaan Akaun

Soalan 7:

Siapakah yang layak membuka akaun SSPN-*i Plus*?

Jawapan:

Semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun sehingga mencapai umur 64 tahun layak membuka akaun untuk diri sendiri dan boleh membuka akaun untuk anak atau anak jagaan yang sah (mestilah juga warganegara Malaysia) yang berumur 1 hari sehingga sebelum mencapai umur 29 tahun.

Soalan 8:

Adakah pelanggan perlu membuat pemeriksaan kesihatan ataupun mendapatkan laporan perubatan untuk membuka akaun SSPN-*i Plus*?

Jawapan:

Tiada sebarang pemeriksaan kesihatan atau laporan perubatan diperlukan untuk membuka akaun ini. Walau bagaimanapun bagi Pakej Berlian, bakal pendeposit perlu menjawab tiga soalan kesihatan yang terdapat pada borang pembukaan akaun. Jika terdapat jawapan YA bagi salah satu soalan, bakal pendeposit TIDAK LAYAK menyertai Pakej Berlian dan dinasihatkan untuk menyertai pakej yang lain.

Soalan 9:

Adakah seseorang itu boleh membuka akaun SSPN-*i Plus* jika menghidapi sebarang penyakit kritikal?

Jawapan:

Boleh tetapi bagi Pakej Intan, Delima, Topas, Zamrud dan Nilam sahaja (tertakluk kepada terma dan syarat).

Soalan 10:

Adakah PTPTN akan memberikan apa-apa penentusahan keahlian setelah pembukaan akaun?

Jawapan:

Tidak. Pendeposit tidak akan menerima apa-apa penentusahan keahlian daripada PTPTN tetapi pihak pengendali takaful akan menghantar Sijil Takaful (*Certificate Schedule*) secara pos kepada pendeposit dalam tempoh 30 hari (sebulan) dari tarikh pembukaaan akaun.

Soalan 11:

Saya telah mempunyai akaun SSPN-*i* , adakah saya boleh membuka akaun SSPN-*i Plus* ?

Jawapan

Boleh. Pendeposit yang telah mempunyai akaun SSPN-*i* boleh membuka akaun SSPN-*i Plus* tanpa perlu menutup akaun SSPN-*i*.

Soalan 12:

Bolehkah seorang pendeposit membuka lebih dari satu akaun dengan pakej yang sama atau berlainan untuk dirinya sendiri?

Jawapan:

Tidak boleh. Pendeposit yang membuka akaun untuk diri sendiri hanya boleh mempunyai satu akaun sahaja dengan mana-mana pakej. Walau bagaimanapun, seseorang pendeposit boleh membuka banyak akaun untuk penerima manfaat yang berlainan (anak/ anak jagaan yang sah sahaja) bagi pakej yang sama atau berlainan, kecuali untuk pakej Berlian (hanya terhad kepada dua (2) akaun untuk seorang pendeposit atau perlindungan kematian/ ilat kekal (kemalangan) maksimum sebanyak RM2,000,000).

Soalan 13:

Adakah penerima manfaat boleh mempunyai lebih dari satu akaun sama ada pakej yang sama atau pakej yang berlainan?

Jawapan:

Ya. Penerima manfaat boleh mempunyai lebih dari satu akaun tetapi pembukaan akaun mestilah dibuat oleh pendeposit yang berbeza sama ada akaun dibuka untuk diri sendiri, dibuka oleh ibu atau dibuka oleh bapa atau dibuka oleh penjaga yang sah. Ini bermakna setiap penerima manfaat hanya boleh mempunyai maksimum dua (2) akaun sahaja.

Simpanan, Pengeluaran dan Penutupan

Soalan 14:

Apakah saluran simpanan yang disediakan untuk bayaran komitmen bulanan?

Jawapan:

Kemudahan saluran simpanan yang disediakan adalah seperti Jadual 4:

Jadual 4: Saluran Simpanan SSPN-*i Plus*

Saluran Simpanan	Caj
Kaunter PTPTN – Secara tunai/ kad kredit/ kad debit/ kad ATM	Tiada
Potongan gaji	Tiada
<i>Auto Debit</i> (Maybank dan RHB Bank)	RM0.53
Perbankan internet (Maybank2u)	Tiada

Soalan 15:

Adakah simpanan yang dibuat boleh dikeluarkan pada bila-bila masa?

Jawapan:

Simpanan hanya boleh dikeluarkan selepas tiga (3) tahun dari tarikh pembukaan akaun dan jumlah minimum yang perlu ada di dalam akaun adalah sebanyak RM1,000. Selepas tempoh tiga (3) tahun tersebut, pendeposit boleh membuat pengeluaran pada bila-bila masa dan masih tertakluk dengan syarat baki minimum yang ditetapkan.

Soalan 16:

Apakah yang akan terjadi sekiranya pendeposit gagal membuat bayaran komitmen bulanan sehingga tarikh bayaran yang ditetapkan?

Jawapan:

Sekiranya tiada sebarang bayaran diterima selepas tempoh ihsan, maka akaun akan ditutup serta-merta.

Soalan 17:

Sekiranya penerima manfaat telah mencapai umur 29 tahun, adakah pendeposit boleh meneruskan simpanan?

Jawapan:

Tidak boleh. Apabila penerima manfaat telah mencapai had umur yang ditetapkan, akaun akan ditutup secara automatik. Penerima manfaat hendaklah membuka akaun untuk diri sendiri sekiranya ingin meneruskan penabungan.

Soalan 18:

Bagaimana caranya jika pendeposit bercadang untuk bertukar pakej?

Jawapan:

Sekiranya pendeposit bercadang menukar pakej yang lain, beliau hendaklah menutup akaun sedia ada terlebih dahulu dan membuka akaun yang baharu.

Soalan 19:

Sekiranya pendeposit telah menutup akaun, adakah perlu menunggu tempoh tertentu untuk pembukaan akaun baharu?

Jawapan:

Tidak. Pendeposit boleh membuka akaun baharu tanpa perlu menunggu tempoh tertentu. Walau bagaimanapun, penyertaan semula dianggap baharu dan pendeposit akan menerima Sijil Takaful baharu dengan tempoh perlindungan yang baharu.

Soalan 20:

Jika penerima manfaat meninggal dunia, adakah akaun akan ditutup secara automatik?

Jawapan:

Akaun akan ditutup setelah mendapat maklumat kematian daripada pendeposit. Pendeposit hendaklah mengemukakan dokumen lengkap untuk tuntutan khairat kematian.

Pelepasan Taksiran Cukai Pendapatan**Soalan 21:**

SSPN-*i Plus* dan SSPN-*i* masing-masing menawarkan pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih tahun semasa sehingga RM6,000 bagi akaun yang dibuka untuk anak/ anak jagaan yang sah. Jika pendeposit mempunyai kedua-dua akaun, adakah pelepasan taksiran cukai pendapatan yang boleh dinikmati adalah sebanyak RM12,000?

Jawapan:

Tidak. Pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih bagi SSPN-*i Plus* dan SSPN-*i* hanya diberikan sehingga RM6,000. Walau bagaimanapun bagi akaun

SSPN-*i Plus*, pendeposit boleh menikmati tambahan pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas sumbangan takaful yang dibayar kepada pengendali takaful sebanyak RM6,000, di bawah kategori pelepasan bagi insurans nyawa dan KWSP.

Soalan 22:

Jika penerima manfaat meninggal dunia, adakah pendeposit layak mendapat pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih yang dibuat?

Jawapan:

Tidak layak. Jika berlaku kematian penerima manfaat, akaun akan ditutup dan semua keistimewaan akan terbatal.

Perlindungan Takaful

Soalan 23:

Apakah 36 penyakit kritikal yang dilindungi takaful?

Jawapan:

36 penyakit kritikal adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

1.	Stroke	19.	Major Organ/Bone Marrow Transplant
2.	Heart Attack	20.	Loss of Speech
3.	End Stage Kidney Failure	21.	Brain Surgery
4.	Cancer	22.	Heart Valve Surgery
5.	Coronary Artery By-Pass Surgery	23.	Terminal Illness
6.	Other Serious Coronary Artery Disease	24.	Bacterial Meningitis
7.	Angioplasty And Other Invasive Treatment For Major Coronary Artery Disease	25.	Major Head Trauma
8.	End Stage Liver Failure	26.	Chronic Aplastic Anaemia
9.	Fulminant Viral Hepatitis	27.	Motor Neurone Disease
10.	Coma	28.	Parkinson Disease
11.	Benign Brain Tumor	29.	Alzheimer's Disease/ Irreversible Organic Degenerative Brain Disorders
12.	Paralysis/ Paraplegia	30.	Muscular Dystrophy
13.	Blindness/Total Loss of Sight	31.	Surgery to Aorta
14.	Deafness/Total Loss of Hearing	32.	Multiple Sclerosis
15.	Major Burns	33.	Primary Pulmonary Arterial Hypertension
16.	HIV Due to Blood Tranfusion	34.	Medullary Cystic Disease
17.	End Stage Lung Disease	35.	Severe Cardiomyopathy Systemic Lupus
18.	Encephalitis	36.	Eryhematosus with Lupus Nephritis

Soalan 24:

Adakah manfaat takaful yang ditawarkan boleh dituntut serta merta?

Jawapan:

Manfaat takaful boleh dituntut mengikut tempoh menunggu seperti Jadual 5:

Jadual 5: Tempoh Menunggu Bagi Tuntutan Manfaat Takaful

MANFAAT	TEMPOH MENUNGGU
Kematian Akibat Kemalangan (<i>semua pakej</i>)	Perlindungan serta-merta.
Kematian Biasa (<i>selain Pakej Berlian</i>)	- 12 bulan dari tarikh kuat kuasa perlindungan bagi keadaan sedia ada*. - Perlindungan serta-merta (selain daripada keadaan sedia ada).
Kematian Biasa (<i>Pakej Berlian</i>)	3 bulan bagi sebab-sebab semulajadi (pulangan penuh sumbangan)
Ilat Kekal Menyeluruh (<i>selain Pakej Berlian</i>)	- 12 bulan dari tarikh kuat kuasa perlindungan bagi keadaan sedia ada*. - Perlindungan serta-merta (selain daripada keadaan sedia ada).
Ilat Kekal dan Sebahagian (<i>Pakej Berlian sahaja</i>)	12 bulan dari tarikh kuat kuasa perlindungan bagi keadaan sedia ada*.
Penyakit Kritikal	30 hari (selain daripada penyakit sedia ada dan penyakit khusus) 12 bulan (penyakit sedia ada) 120 hari (penyakit khusus)
Elaun Kemasukan Hospital	Akibat Kemalangan - serta-merta Akibat Penyakit - 30 hari (selain daripada penyakit khusus) - 120 hari (penyakit khusus)

Nota:

* Keadaan Sedia Ada bermaksud sebarang kecederaan atau penyakit,

a) wujud atau telah berlaku sebelum tarikh kuat kuasa perlindungan, atau

b) di mana petanda penyakit sudahpun ditunjukkan sebelum tarikh kuat kuasa perlindungan, atau

c) yang mana berasaskan perkembangan patologi normal yang diterima pakai dari segi perubatan bahawa penyakit tersebut sepatutnya telah wujud sebelum tarikh kuat kuasa perlindungan.

Soalan 25:

Adakah penyakit mental dilindungi takaful?

Jawapan:

Tidak dilindungi.

Soalan 26:

Adakah kematian disebabkan bunuh diri dilindungi takaful?

Jawapan:

Tidak. Jawatankuasa Syariah Pengendali Takaful telah memutuskan agar tiada manfaat dibayar atas sebab bunuh diri.

Soalan 27:

Adakah kematian disebabkan pengambilan dadah atau alkohol atau bahan-bahan terlarang yang berlebihan dilindungi takaful?

Jawapan:

Tidak.

Soalan 28:

Adakah perlindungan diberikan kepada anggota beruniform?

Jawapan:

Ya, selagi anggota beruniform tidak terlibat secara langsung dalam tugas peperangan/ rusuhan, rusuhan awam sama ada diisytihar atau tidak.

Tuntutan Manfaat Takaful

Soalan 29:

Berapa lamakah tempoh yang akan diambil untuk mendapat manfaat takaful yang dituntut?

Jawapan:

Pembayaran akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap dan diserahkan kepada pengendali takaful.

Soalan 30:

Siapakah yang boleh membuat tuntutan bagi kematian pendeposit?

Jawapan:

Waris boleh membuat tuntutan, walau bagaimanapun manfaat takaful hanya akan dibayar kepada waris yang sah sahaja.

Soalan 31:

Bagaimanakah kaedah pemulangan simpanan dan bayaran manfaat takaful dilakukan bagi kes kematian pendeposit?

Jawapan:

Bagi kes kematian pendeposit, kaedah pemulangan simpanan dan pembayaran manfaat takaful oleh pengendali takaful adalah seperti berikut:

- a) Bagi jumlah simpanan atau manfaat yang kurang daripada RM3,000 - waris hendaklah mengisi dan menandatangani Bon Tanggung Rugi serta dokumen yang berkaitan yang mengikat dari segi undang-undang; atau
 - b) Bagi jumlah simpanan atau manfaat takaful RM3,000 dan ke atas -
Pengeluaran wang deposit dari akaun simati bagi baki semasa simpanan berjumlah RM3,000 dan ke atas (termasuk manfaat takaful dan dividen) dengan mengemukakan dokumen asal atau salinan:
 - Geran Surat Kuasa Mentadbir/ Geran Probet (Petisyen di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959) yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Malaya; atau
 - Surat Kuasa Mentadbir yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Dan Daerah; atau
 - Surat Kuasa Pentadbiran yang dikeluarkan oleh Amanah Raya Berhad, Seksyen 17 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akaun/ Arahan).
-

Soalan 32:

Jika berlaku kematian pendeposit dan beliau mempunyai akaun SSPN-*i Plus* untuk 5 orang anak, adakah waris akan menerima manfaat kematian bagi kelima-lima akaun atau bayaran manfaat hanya diterima sekali sahaja kerana pendeposit yang sama?

Jawapan:

Ya. Manfaat kematian akan dibayar bagi kelima-lima akaun. Contohnya, bagi kematian biasa, sekiranya kelima-lima akaun tersebut adalah akaun Delima, jumlah keseluruhan manfaat kematian yang dibayar adalah sebanyak RM100,000. Manfaat tersebut akan dimasukkan semula ke dalam akaun masing-masing dan bayaran kepada waris akan dibuat mengikut proses penutupan seperti di **Soalan 31**.

Soalan 33:

Adakah elaun kemasukan hospital tertakluk dalam negara sahaja?

Jawapan:

Tidak. Elaun kemasukan hospital tidak terhad dalam Malaysia sahaja. Elaun juga layak dituntut bagi kemasukan hospital di luar negara selagi kunjungan tersebut bukan atas tujuan perubatan. Walau bagaimanapun, kemasukan hospital di Singapura dibayar bagi tujuan perubatan.
